

RANCANGAN PERNIAGAAN

ETR 300

AGENSI PELANCONGAN KENARI

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERLIS**

30 SEPTEMBER 1998

ISI KANDUNGAN

Perkara	Mukasurat
Kandungan	i
Surat Pengesahan Pelajar	ii
Surat Penyerahan Rancangan Perniagaan	iii
Penghargaan	1
Perjanjian Perkongsian	3
Sinopsis	7
Logo	8
Keterangan Logo	9
Pengenalan	11
Tujuan Rancangan Perniagaan	12
Latar Belakang Syarikat	13
Latar Belakang Pemilik Syarikat	15
Rancangan Pentadbiran	20
Rancangan Pemasaran	38
Rancangan Operasi	60
Rancangan Kewangan	95
Rumusan	106
Lampiran	107

SINOPSIS

Agensi Pelancongan Kenari merupakan sebuah perniagaan yang menjalankan perniagaan perkhidmatan pelancongan. Perniagaan ini akan beroperasi di No. 4040, Taman Mutiara, Jalan Sultanah, 05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman. Lokasi ini dipilih kerana ianya merupakan sebuah kawasan perumahan dan berhampiran dengan pusat bandar dan merupakan kawasan yang agak sibuk.

Terdapat berbagai kemudahan yang disediakan di kawasan ini termasuklah kemudahan jalan raya yang baik, bekalan air, elektrik dan telefon serta berhampiran dengan syarikat atau organisasi serta penduduk tempatan yang merupakan sasaran pasaran kami.

Pesaing-pesaing kami terdiri daripada Agensi Pengembaraan Asari Murni, T.H Hatta Service Travel & Tours, Jafila Travel & Tours dan Sufay Travel & Tours.

Perniagaan kami ditadbir oleh seorang Pengurus Besar dan empat orang pengurus yang menguruskan bahagian masing-masing. Kami juga dibantu oleh 3 orang pekerja yang membantu menguruskan perjalanan perkhidmatan kami.

Modal yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan ini ialah RM 200,000.

1.0 PENGENALAN

Bidang perniagaan diceburi oleh pelbagai lapisan masyarakat di seluruh pelusuk negara. Masyarakat peniaga telah berjaya membuktikan bahawa bidang perniagaan adalah suatu bidang yang mampu memainkan peranan penting dalam memajukan negara Malaysia.

Agensi pelancongan adalah sebuah syarikat yang akan menguruskan para pelancong dalam dan luar negeri dengan menyediakan perkhidmatan tiket dan pakej percutian di dalam dan luar negeri.

Bidang perniagaan ini yang akan kami ceburi dengan penuh keyakinan dan bercita-cita tinggi untuk mencapai matlamat kami dalam memberi khidmat kepada masyarakat.

Agensi kami ini akan beroperasi di bandar Alor Setar berdekatan dengan pusat bandar dan kawasan perumahan. Ia akan beroperasi di bawah nama Agensi Pelancongan Kenari dalam bentuk perniagaan perkongsian dan akan mula beroperasi pada 1 Januari 2000.

Perniagaan ini akan dijalankan di No: 4040, Taman Mutiara, Jalan Sultanah, 05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Tujuan kami meneroka bidang ini adalah untuk memenuhi keperluan individu dan badan-badan organisasi yang hendak pergi ke tempat-tempat yang diingini. Selain daripada itu, kami juga mendapati bahawa bidang ini kurang dipelopori oleh golongan bumiputera. Maka kami cuba untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik. Ianya juga sebagai agen penggalak kepada masyarakat menambahkan pengetahuan dengan perkhidmatan yang kami tawarkan. Kami juga akan memanfaatkan institusi perniagaan ini dan meningkatkan prestasi dari semasa ke semasa.

3.0 LATAR BELAKANG SYARIKAT

- Alamat perniagaan : Agensi Pelancongan Kenari(APK)
No:4040, Taman Mutiara, Jalan Sultanah,
05350 Alor Setar,Kadah Darul Aman.
- Alamat surat-menyurat : (seperti di atas)
- No. Telefon : 04-9875564
- Bentuk Perniagaan : Perkongsian
- Kegiatan Utama : Menyediakan perkhidmatan pakej pelancongan
dalam dan luar negara,perkhidmatan tiket
penerbangan domestik dan antarabangsa,
pakej umrah dan haji berdaftar,tempahan hotel
serta menjadi agen penerbangan Malaysia yang
sah.
- Tarikh Mula Perniagaan : 1 Januari 2000
- No. Pendaftaran : -
- Modal Permulaan : RM 200000
- Nama dan Alamat
pemegang saham
ahli kongsi : 1)Suehara bt Ayeop
No 36,Regat Tasek Timur 20,
Taman Ria,
31400 Ipoh,Perak.
- 2)Zaitul Akmar bt Mohd Khalid
No 51,Lorong Masria 4,
Taman Bunga Raya,
23000 Setapak,Kuala Lumpur.